



# Alumni Sharing: From IM to IM "Towards 1st Class Information Studies"



Posted on [January 14, 2024](#)

by [Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang](#)

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

*Hybrid Session*

**ALUMNI SHARING: FROM IM TO IM**  
**"Towards 1st Class Information Studies"**

COLLABORATIVE TEACHING  
 IMC412: FUNDAMENTALS OF INFORMATION SCIENCE  
 IMC451: ORGANIZATION OF INFORMATION

**Session 1**

  
**Miss Sazlina Saleh**  
 Perpustakaan Tengku Anis,  
 Universiti Teknologi MARA,  
 Kelantan

 **TUESDAY**  
 02 JANUARY 2024

 **A201-SC**  
 2.30 - 4.30PM

**Session 2**

  
**Sir Muhammad Rosmaizul Maidin**  
 Centre of Reference, Albukhary  
 International University, Kedah

  
**Miss Fatimah Ahmad Bahsir**  
 Perpustakaan, Universiti Sains  
 Islam Malaysia, Negeri  
 Sembilan

 **WEDNESDAY**  
 10 JANUARY 2024

 **D309-A**  
 12.00 - 2.00PM


For any inquiries:  
 **NAQIB: +6011-11047908**  
**FARAH: +6010-7627694**

Join us at:  
 <https://meet.google.com/xd-oepg-coa>

2 Januari 2024 – Telah diadakan satu sesi perkongsian yang bertajuk Alumni Sharing: From IM to IM "Towards 1st Class Information Studies" bertempat di Bilik Kuliah A201-SC UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) pada jam 2.30 petang sehingga 4.30 petang.

Bagi sesi pertama perkongsian ini, Cik Sazlina Saleh (Pembantu Pustakawan) Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTMCK yang merupakan alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UiTMCK yang kini dikenali sebagai Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) telah dijemput untuk berkongsi pengalaman kerjaya beliau di dalam bidang perpustakaan kepada para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat Semester 1.

Objektif perkongsian ini adalah untuk memberi pendedahan akan dunia perpustakaan yang sebenar dan mengubah persepsi stereotaip pelajar terhadap perpustakaan dari aspek persekitaran yang dianggap tempat yang sunyi dan menyediakan suasana kondusif untuk para pelajar membaca dan membuat rujukan. Di samping itu, perkongsian ini juga untuk meneroka pekerjaan di dalam bidang kepustakawanan dari segi deskripsi tugas pustakawan dan staf sokongan di setiap unit, program yang telah dianjurkan, perkhidmatan yang disediakan di PTA dan lain-lain.



Sesi perkongsian diakhiri dengan sesi soal jawab daripada pelajar dan penyampaian cenderahati oleh Puan Noor Azreen Alimin, Pensyarah KPIM. Diharapkan agar melalui perkongsian ini dapat membuka mata pelajar yang perpustakaan kini tidak sepiasif dahulu dan mengubah persepsi sedia ada tentang kerjaya dalam bidang perpustakaan yang bukan hanya kerja menyusun buku tetapi sebaliknya sebagai kunci yang membolehkan pengguna mengakses bahan ilmiah dengan lebih efektif dan efisien dalam pelbagai tujuan sama ada rujukan mahupun tugas. Semoga perkongsian serta tips dalam pembelajaran yang dikongsikan dapat menyuntik semangat dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk menjadi seorang yang cemerlang.



*Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTMCK Kampus Machang*